

BAB 2 : NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

PENGENALAN

Gerakan nasionalisme merupakan usaha masyarakat tempatan menentang apa sahaja bentuk tekanan atau penjajahan terhadap mereka oleh kuasa luar. Penentangan mereka itu didorong oleh hasrat untuk membebaskan negara mereka daripada kuasa penjajah. Di Malaysia, penentangan terhadap British telah dilakukan oleh pemimpin dan rakyat tempatan sejak abad ke-19. Gerakan nasionalisme secara menyeluruh pula telah bermula pada awal abad ke-20.

PERJUANGAN PEMIMPIN TEMPATAN MENENTANG BRITISH

Gerakan pemimpin tempatan ini telah berlaku pada awal kedatangan British ke Malaysia. Gerakan ini merupakan reaksi spontan masyarakat tempatan untuk menjaga kepentingan mereka daripada dicerobohi dan dikuasai oleh orang luar. Antara pemimpin penentangan itu termasuklah Penghulu Dol Said, Dato' Maharaja Lela, Rentap dan Mat Salleh.

SEBAB-SEBAB PENENTANGAN

1. Penentangan terhadap British oleh masyarakat tempatan adalah disebabkan dasar penaklukan British terhadap daerah mereka seperti di Naning, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sarawak dan Sabah.
2. Dasar penaklukan British terhadap Negeri-Negeri Melayu bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan politiknya. Dengan itu, penguatkuasaan politiknya menjadi luas dan kawasan itu akan terikat dengan perintah dan peraturannya. Misalnya, apabila British mendapat Melaka daripada Belanda, Naning dipaksa menjadi jajahan takluk British dan membayar ufti. Penghulu Dol Said menentang kehendak British itu dan hal ini menyebabkan berlakunya peperangan.
3. Pihak British juga ditentang kerana hasrat mereka untuk menguasai ekonomi tempatan bagi kepentingan mereka. Perkara ini dilakukan melalui perjanjian yang dimeterai oleh mereka dengan pemimpin tempatan. Menerusi perjanjian ini, saudagar dari Negeri-Negeri Selat dibenarkan menjalankan perlombongan dan perdagangan bijih timah. Hal ini telah menimbulkan kemarahan penduduk tempatan terhadap British.
4. Selain itu, penentangan oleh pemimpin tempatan adalah kerana British telah memaksakan sistem pentadbiran Barat kepada penduduk tempatan. British telah memperkenalkan sistem cukai, undang-undang dan peraturan-peraturan tanah untuk mendapatkan hasil yang maksimum. Contohnya di Terengganu, penentangan berlaku kerana British telah menetapkan bahawa setiap tanah yang hendak dibuka oleh penduduk tempatan mestilah mendapat keizinan mereka dan dikenakan cukai tanah. Peraturan ini sangat bertentangan dengan amalan tradisi masyarakat tempatan yang membolehkan mereka membuka tanah mengikut keperluan mereka tanpa membayar cukai.
5. Penentangan juga berlaku kerana campur tangan British dalam adat resam tempatan. Sebagai penjajah, British memaksa mereka menerima nilai-nilai British yang amat bertentangan dengan budaya masyarakat tempatan. Misalnya di Perak, J.W.W. Birch telah campur tangan dalam adat resam masyarakat Melayu yang diamalkan selama ini, iaitu amalan menggunakan orang suruhan. Tindakan beliau ini ditentang oleh pemimpin dan masyarakat tempatan.
6. Pemimpin tempatan juga kehilangan kuasa dan pengaruh pentadbiran terhadap kawasan dan anak buah mereka apabila British menjajah kawasan mereka. Kebanyakan pemimpin tempatan itu telah dilantik oleh sultan ataupun oleh masyarakatnya untuk mentadbir kawasan tersebut. Dengan pelantikan itu mereka berkuasa untuk menjaga hal ehwal daerahnya seperti soal pentadbiran, perundangan, ekonomi dan sosial. Namun, penjajahan British terhadap daerah mereka

menyebabkan pemimpin tempatan kehilangan kuasa. Keadaan ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pemimpin tempatan dan mendorong mereka menentang British. Penentangan pemimpin tempatan ini mendapat sokongan anak buah mereka yang tertekan dengan pelaksanaan undang-undang British yang menyulitkan kehidupan mereka. Kesetiaan kepada pembesar tempatan sebagai ketua juga telah mendorong mereka memberikan kerjasama untuk menentang British.

PERISTIWA PENENTANGAN PEMIMPIN TEMPATAN

1. Penentangan oleh Penghulu Doi Said di Naning adalah yang paling awal berlaku di Tanah Melayu, iaitu antara tahun 1831-1833. Beliau menentang British kerana tidak bersetuju dengan tindakan British meletakkan Naning sebagai sebahagian daripada wilayah mereka yang menjadi takluknya. Penghulu Doi Said mengingkari arahan British supaya Naning menghantar satu per sepuluh hasilnya sebagai upeti kepada negeri Melaka. Akibatnya, British telah menghantar tenteranya untuk menakluk Naning pada tahun 1831 dan pasukan British ini telah ditentang oleh Penghulu Doi Said. Beliau yang mendapat bantuan ketenteraan daripada Yam Tuan Ali dari Rembau, Syed Shaban, Penghulu Remai dan Rechat, Dato' Kelana Sungai Ujong serta Penghulu Gemencheh telah berjaya mengalahkan 150 orang tentera British pimpinan Kapten Wyllie yang berusaha untuk menawan Taboh yang terletak dalam daerah Naning.
2. Pada akhir tahun 1832, British dengan 1200 orang tentera sekali lagi menyerang Naning. Pada kali ini Penghulu Doi Said dan pengikut-pengikutnya tidak dibantu oleh sesiapa pun. Pasukan British berjaya mengalahkan tentera Penghulu Doi Said. Penghulu Doi Said terpaksa menyerah diri dan dibawa ke Melaka.
3. Penentangan di Sarawak sama dengan penentangan di Naning. James Brooke yang digelar Raja Putih Sarawak pada tahun 1842 berusaha untuk menguasai beberapa buah daerah pedalaman sehingga menimbulkan bantahan daripada pemimpin tempatan. Mereka enggan menyerahkan daerah mereka kepada James Brooke dan ini telah menyebabkan James Brooke menyerang daerah-daerah tersebut.
4. Penentangan oleh Linggir, Rentap dan Syarif Masahor, sama coraknya. Linggir, iaitu pemimpin kaum Iban di Saribas menentang penaklukan James Brooke pada tahun 1849 dengan menyerang kapal *Nemesis* dekat Batang Lupar. Serangan ini merupakan tindak balas terhadap langkah James Brooke dan Kapten Farquhar menghalang pelayaran mereka di Sungai Saribas. Bagaimanapun, Linggir dan pengikutnya tewas dalam pertempuran tersebut.
5. Rentap, pemimpin Iban, menentang James Brooke pada tahun 1853 kerana bertindak menghapuskan orang Iban di Sungai Skrang yang dianggap sebagai lanun. Beliau telah menyerang pasukan James Brooke di Kubu Nanga Skrang bagi menghalang kezaliman James Brooke di daerah tersebut. Rentap dan pengikutnya berjaya mengusir James Brooke tetapi tentera James Brooke telah bertindak balas dengan membakar kampung mereka. Rentap dan pengikutnya berundur ke Bukit Sadok, namun, sekali lagi mereka diserang oleh James Brooke. Tentera James Brooke berjaya mengalahkan Rentap pada tahun 1861. Rentap terpaksa berundur ke Ulu Sungai Entabai dan serangannya semakin lemah.
6. Penentangan orang Melayu di bawah pimpinan Syarif Masahor dan Datu Patinggi Abdul Gapur berlaku kerana mereka menolak penguasaan James Brooke di wilayah mereka, iaitu di Sungai Rajang pada tahun 1857. Hal ini disebabkan mereka kehilangan kuasa memungut cukai dan pengaruh terhadap penduduk tempatan. Pada tahun 1858, James Brooke telah membina sebuah kubu di Kanowit. Syarif Masahor telah menyerang kubu tersebut. Beliau dan Datu Patinggi Abdul Gapur kemudian menyerang James Brooke di Kuching. Bagaimanapun, tentangan mereka gagal. Syarif Masahor melarikan diri ke Brunei tetapi beliau telah diserahkan oleh Sultan Brunei kepada British di Singapura. Datu Patinggi Abdul Gapur melarikan diri ke Betawi tetapi beliau berjaya ditahan oleh Belanda dan diserahkan kepada James Brooke.
7. Di Sabah, terdapat beberapa penentangan oleh pemimpin tempatan terhadap Syarikat Borneo Utara British (SBUB). Bagaimanapun, penentangan terbesar telah dilakukan oleh Mat Salleh. Beliau ialah pemerintah daerah Tambunan dan Sungai Sugut. Namun, pihak SBUB tidak menghiraukan kedudukan Mat Salleh. Bukan sahaja mereka menduduki kawasan pengaruh Mat Salleh, malah mereka turut melaksanakan Sistem cukai kepala dan surat perahu. Pegawai-pegawai syarikat itu juga bersikap kasar kepada penduduk tempatan.

8. Mat Salleh telah ke Sandakan untuk berbincang dengan SBUB pada tahun 1895, tetapi tidak dilayan. Sebaliknya, Gabenor Beaufort telah menyerang dan membakar kampungnya. Mat Salleh terpaksa melarikan diri. Pada tahun 1897, beliau dan para pengikutnya telah melakukan serangan mengejut terhadap kubu SBUB di Pulau Gaya. Ekoran itu, SBUB telah menawarkan pelan damai kepada Mat Salleh, iaitu menyerahkan Tarnbunan kepadanya. Namun, SBUB mungkir janji dan hal ini menyebabkan Mat Salleh sekali lagi menyerang kubu SBUB. Serangan ini dibalas oleh pasukan tentera SBUB dengan menyerang kubu Mat S-alleh. Beliau akhirnya tewas dan meninggal dunia pada 31 Januari 1900.
9. Di Perak, penguasaan British yang didalangi oleh J.W.W. Birch telah ditentang oleh orang tempatan yang dipimpin oleh Dato' Maharaja Lela. Penentangan itu berlaku secara bersatu oleh sernua pembesar dan sultan.
10. Penentangan penduduk tempatan di Perak terhadap British adalah kerana:
 - Residen memungkirinya fungsinya sebagai penasihat seperti yang termaktub dalam Perjanjian Pangkor 1874.
 - Para pembesar menolak Sistem cukai yang menghapuskan hak mereka.
 - Para pembesar menolak penguasaan British terhadap kawasan mereka.
 - Para pembesar menolak campur tangan British dalam adat resam dan hal ehwal tempatan.
 - J.W.W. Birch tidak menghormati sistem sosial tempatan dan tidak tahu berbahasa Melayu.
11. Yang berikut ialah urutan peristiwa penentangan mereka.

Urutan Penentangan Dato' Maharaja Lela dan Orang Melayu di Perak	
Tarikh	Peristiwa
20 Januari 1874	Perjanjian Pangkor ditandatangani oleh Sultan Abdullah dan Sir Andrew Darke.
Februari 1875	Bantahan terbuka oleh Sultan Abdullah, Dato' Maharaja Lela dan pembesar Melayu Perak yang lain terhadap campur tangan British. Dato' Maharaja Lela membuat kubu di Pasir Salak.
21 Julai 1875	Mesyuarat antara Dato' Maharaja Lela dengan pembesar-pembesar Melayu di Durian Sebatang menentang undang-undang British.
12 September 1875	Dato' Maharaja Lela bersetuju mengambil tanggungjawab membunuh J.W.W. Birch selepas bermesyuarat dengan Sultan Abdullah dan para pembesar lain di Belania. Sultan Abdullah memberitahu Sultan Ismail tentang rancangan tersebut.
31 Oktober 1875	Walaupun Dato' Maharaja Lela melakukan penentangan terhadap British, namun Sultan Abdullah terpaksa menyerahkan Perak kepada British. Mat Arshad, orang suruhan British, dibunuh oleh penduduk tempatan semasa menampal poster cukai di Pasir Salak.
2 November 1875	Pembunuhan J.W.W. Birch oleh Seputum, Pandak Lam, dan lain-lain lagi atas arahan Dato' Maharaja Lela di Sungai Perak, Pasir Salak.
13 November 1876	Pihak British dengan 500 orang tenteranya melancarkan serangan terhadap Pasir Salak dan kawasan-kawasan yang terlibat. Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor melarikan diri ke Kota Lama.
20 November 1877	Perbicaraan diadakan di Matang, Perak. Hakimnya ialah Raja Idris. Manakala penasihat perbicaraan ialah Frank Swettenham. Dato' Maharaja Lela bersama-sama Dato' Sagor, Pandak Lam, Seputum dan Pandak Indut diatuhi hukuman gantung. Sultan Ismail dibuang negeri ke Johor. Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Syahbandar dan Laksamana pula dibuang negeri ke Pulau Seychelles. Dengan itu, Perak dapat dikuasai sepenuhnya oleh British.

12. Di Negeri Sembilan, penentangan oleh pembesar tempatan terhadap penguasaan British telah dilakukan oleh Yam Tuan Antah Sri Menanti dan Dato' Syahbandar Sungai Ujong, iaitu Abdullah Tunggal. Kedua-duanya telah menentang kemasukan British di Sungai Ujong. Malah Dato' Syahbandar Sungai Ujong enggan menandatangani perjanjian dengan British pada 21 April 1874. Dato' Syahbandar juga menentang Dato' Kelana Sungai Ujong, iaitu Syed Abdul Rahman yang mempelawa British untuk campur tangan dalam pertikaian mereka. Kedua-dua pemimpin tempatan ini berebut kawasan sempadan untuk mengenakan cukai kepada pedagang bijih timah dari Negeri-Negeri Selat. Dengan kerjasama British, Dato' Kelana Syed Abdul Rahman berjaya mengalahkan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal untuk menguasai Sungai Ujong. Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal terpaksa berundur ke Selangor. Bagaimanapun, beliau kembali semula ke Sungai Ujong dan menandatangani perjanjian dengan British pada 10 November 1874. Dato' Syahbandar bersetuju meletakkan jawatan dan berhiirah ke Singapura. Dengan itu, Dato' Kelana Syed Abdul Rahman dapat menguasai seluruh Sungai Ujong tetapi tertakluk di bawah penguasaan British.
13. Di Pahang, pada tahun 1888, beberapa orang pembesar telah bersatu melawan penguasaan British. Apabila J.P. Rodgers dilantik sebagai Residen Pahang yang pertama, Dato' Bahaman telah menolak pelaksanaan undang-undang British yang bertentangan dengan adat resam dan sistem politik tempatan seperti sistem kehakiman, pemungutan hasil tanah, sistem cukai dan penubuhan pasukan polis luar. Ini adalah kerana undang-undang tersebut telah menghakis kuasa Dato' Bahaman sebagai Orang Kaya Setia Perkasa Pahlawan Semantan.
14. Dato' Bahaman dan rakan-rakannya seperti Tok Gajah dan Imam Rasul telah bersatu menentang British selama lima tahun. Siri penentangan Dato' Bahaman dapat dilihat dalam jadual berikut:

Siri Penentangan Dato' Bahaman

Tahun	Peristiwa
1890	Menentang pembinaan Balai Polis Lubuk Terua, kawasan pengaruhnya.
1891	Menyerang British kerana menangkap anak buahnya.
1892	Menyerang dan menawan semula Lubuk Terua.
1894	Menyerang dan menguasai Kuala Tembeling dan Jeram Ampai.
1895	Akibat tekanan British, Dato' Bahaman tentang penentangan Dato' Bahaman berundur ke Kelantan.

15. Dato' Bahaman dan rakan-rakan mendapat perlindungan daripada penduduk dan pembesar Terengganu dan Kelantan. Dato' Bahaman menetap di Hulu Kelantan manakala Tok Gajah dan keluarganya menetap di Hulu Terengganu. Pada tahun 1896, Dato' Bahaman berpindah ke Bangkok dan diberikan perlindungan politik oleh Raja Chulalongkorn. Beliau menetap di Chiang Mai dan diberikan wang sara hidup sebanyak 1000 baht dan meninggal dunia di sana.
16. Di Kelantan, penentangan terhadap penjajahan British berlaku di Pasir Puteh apabila Sistem Penasihat British diperkenalkan pada tahun 1910. British telah memaksa penduduk tempatan menerima pakai sistem cukai yang diperkenalkannya. Tok Janggut membantah pelaksanaan Sistem ini dan enggan membayar cukai. Namun, bantahannya tidak dilayan oleh Pegawai Daerah Pasir Puteh. Sebaliknya, pihak polis telah diarahkan untuk menangkap Tok Janggut tetapi mereka gagal. Pada tahun 1915, Engku Besar Jeram, Tuan Ahmad, Penghulu Adam, Haji Said, Che Ishak serta rakyat tempatan bersetuju menyerang Pasir Puteh dan mereka berjaya mendudukinya. Sebuah kerajaan telah dibentuk dengan Engku Besar Jeram sebagai Raja, Tok Janggut sebagai Perdana Menteri dan Che Ishak sebagai Pegawai Daerah.
17. Dengan menggunakan nama Sultan Kelantan, British telah membawa masuk pasukan tentera dari Negeri Selat dengan Kapal Perang H.M.S. Cadmus yang mendarat di Tumpat. Mereka memulakan serangan pada bulan Mei 1915 di Saring. Serangan British yang tersusun dan penggunaan seniatanya yang lebih moden telah melumpuhkan perjuangan TokJanggut dan pengikutnya. Tok Janggut malah telah terkorban dalam serangan itu dan mayatnya diarak ke seluruh pekan Kota Bharu sebelum digantung di pasar dalam keadaan kepala ke bawah dan kaki ke atas sebagai amaran kepada masyarakat tempatan yang berani menentang British.

18. Di Terengganu, Haji Abdul Rahman Limbong yang merupakan seorang ulama telah menentang British kerana tidak berpuas hati dengan sistem cukai dan undang-undang tanah British yang diperkenalkan kepada orang tempatan. Pada bulan Julai dan Ogos 1922, Haji Abdul Rahman Limbong mengetuai penduduk kampung membersihkan tanah di Kuala Telemong tanpa menghiraukan peraturan tanah British. Kemudian, pada bulan Mei 1925, kira-kira 300 orang penduduk kampung telah berkumpul dan membuka tanah milik Tengku Nik Maimunah ibn Sultan Zainal Abidin 111. Tanah itu meliputi kawasan dari Lubuk Batu hingga Kampung Pelam. Hal ini membimbangkan British, tetapi dengan jasa baik Tengku Nik Maimunah, mereka dapat disuraikan. Kernarahan penduduk tempatan terhadap dasar British menyebabkan mereka melancarkan penentangan bersenjata pada bulan Mei 1928. Kumpulan yang menyerang bangunan kerajaan di Kuala Berang telah berjaya mendudukinya. Kumpulan di Kuala Telemong pula telah bersiap sedia menunggu arahan untuk menentang British.
19. Dengan menggunakan kuasa dan nama Sultan Terengganu, British telah menghantar tiga orang pembesar yang membawa perintah sultan untuk menawan semula Kuala Berang serta menangkap dan memburu sesiapa sahaja yang menghalangnya. Cara ini memudahkan British kerana rakyat Melayu tidak akan menderhaka kepada sultan.
20. Sepasukan polis seramai 25 orang telah menyerang Kuala Telemong dan berjaya menumpaskan kebangkitan penduduk tempatan dengan mengorbankan sebelas orang. Haji Abdul Rahman Limbong pula telah diserang oleh 50 orang polis yang dibawa dari Singapura. Beliau berjaya ditahan dan dibuang negeri ke Makkah.
21. Perjuangan tokoh-tokoh masa lampau menentang penjajahan British patut kita contohi. Mereka telah menunjukkan semangat setia negara yang tinggi kerana sanggup berkorban untuk bangsa. Sifat bekerjasama dan tolong-menolong antara pemimpin dengan pengikut dalam menentang penjajahan British telah menyumbangkan kejayaan. Dalam penentangan ini jelas kelihatan bahawa sikap berdisiplin dan gigih berusaha dapat menghasilkan perjuangan yang berjaya. Kekalahan mereka dalam perjuangan itu adalah kerana kekurangan ilmu dan seniata moden. Oleh itu, generasi pada hari ini patutlah mengambil iktibar daripada peristiwa ini dengan berusaha melengkapkan diri dengan segala ilmu pengetahuan yang baik supaya kita tidak terjajah lagi atau terpaksa tunduk terhadap mana-mana bentuk penjajahan.

GERAKAN NASIONALISME SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

Walaupun ditentang oleh orang tempatan, British berjaya menjajah Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah. Namun, kejayaan ini tidak mematahkan semangat penduduk tempatan untuk terus menentang penjajahan. Secara perlahan orang tempatan bergerak memperbaiki diri dalam pendidikan dan ekonomi melalui persatuan negeri dan badan sosial yang ditubuhkan.

FAKTOR-FAKTOR PEMANGKIN NASIONALISME

1. Penjajahan British pada tahun 1874 melalui Sir Andrew Darke telah memperkenalkan Sistem politik Barat dan memusnahkan Sistem politik tradisional tempatan. British telah meletakkan seorang Residen yang mengambil alih pentadbiran negeri daripada pembesar tempatan. Para pembesar ini diberikan pencen dan tempat mereka digantikan oleh pegawai British. Bagi orang tempatan perubahan ini mencabar sistem atau amalan tradisi mereka dan juga menjatuhkan maruah mereka. Hal ini telah membangkitkan kebencian penduduk tempatan terhadap British.
2. Sistem pendidikan Inggeris dan sekolah vernakular Melayu yang diperkenalkan pada akhir abad ke -19, telah melahirkan golongan intelek Melayu yang mampu berfikir tentang kemajuan bangsanya. Mereka menyedari perlunya sumbangan tenaga dan fikiran mereka untuk menyedarkan bangsa Melayu. Mereka telah menggunakan idea baru untuk memajukan diri dan menolak penjajahan British.
3. Dasar British dalam mentadbir Tanah Melayu telah menggalakkan sesiapa sahaja datang untuk melabur, berniaga, berdagang, bekerja dan menetap di Tanah Melayu. Dengan itu, ramai orang asing telah datang ke Tanah Melayu dan menetap di sini. Kemasukan orang asing yang berterusan telah meningkatkan jumlah imigran di Tanah Melayu dan menimbulkan persaingan kepada penduduk tempatan. Mereka menguasai ekonomi Tanah Melayu dalam bidang perlombongan biih

- timah, perladangan getah dan perniagaan. Orang Melayu pula kekal dengan pertanian padi yang tidak dimajukan oleh British.
4. British juga telah membuka bandar baru sebagai pusat pentadbirannya sedangkan orang Melayu tetap tinggal di kampung-kampung dengan segala kekurangan. Kemajuan ekonomi seperti perniagaan serta kewujudan prasarana contohnya elektrik, perkhidmatan pos, telefon, sekolah, hospital dan lain-lain telah meningkatkan taraf hidup di bandar.
 5. Keadaan ini menjorakkan lagi jurang taraf hidup antara orang tempatan di luar bandar dengan imigran dan penduduk lain di bandar. Ternyata, dasar British telah memundurkan lagi taraf hidup orang Melayu. Hal ini disedari oleh golongan intelek Melayu dan mereka menjadikannya isu gerakan nasionalisme Melayu.
 6. Pendudukan Jepun juga menjadi penerangsang terhadap gerakan nasionalisme di Tanah Melayu. MakJepun dengan konsep Kawasan Kesemakmuran Asia telah menekankan kebebasan negara-negara Asia untuk menentukan kemajuan masing-masing dan meningkatkan persaudaraan di kalangan negara tersebut. Dengan konsep ini Jepun menggalakkan orang tempatan bekerjasama dengannya dan berjanji akan memerdekakan mereka. Bagaimanapun, kesengsaraan hidup akibat kekurangan makanan dan ubat-ubatan serta kekejaman pentadbiran Jepun, menyebabkan sebilangan besar penduduk Tanah Melayu membenci penjajahan sama ada oleh kuasa Barat atau Timur. Bagi mereka semua penjajah tetap zalim dan menekan kehidupan orang tempatan. Lantaran semangat itu, apabila British memperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946, tentangan orang Melayu amat jelas. Mereka tidak mahu dijajah oleh sesiapa pun.
 7. Penguasaan Parti Komunis Malaya (PKM) selama 14 hari pada tahun 1945 juga telah membangkitkan semangat menentang penjajahan dan memulakan penyebaran ideologi komunis. Dalam tempoh itu, PKM telah menguasai balai-balai poli-s dan memerintah dengan keiam. Mereka membunuh dan menangkap sesiapa sahaja yang dianggap sebagai penyokong Jepun. Gerakan ini telah mencetuskan konflik perkauman. Banyak orang Melayu terbunuh dan rumah mereka dibakar oleh anggota PKM. Serangan mereka telah dibalas oleh orang Melayu di Perak, Johor, Negeri Sembilan dan Pahang.
 8. Kemunculan mesin cetak telah memberikan kesan kepada penyebaran ilmu pengetahuan dan mendorong penentangan terhadap British. Perkara ini berlaku kerana melalui buku, akhbar, majalah, kitab agama dan lain-lain, idea menentang penjajah itu dapat disebarkan.
 9. Gerakan Pan-Islamisme sedunia telah memberikan kesan kepada kesedaran semangat kebangsaan di Tanah Melayu. Gerakan Pan-Islamisme merupakan gerakan intelektual Islam seluruh dunia untuk membangkitkan pemahaman yang lebih progresif terhadap Islam untuk menentang penjajahan Barat ke atas negara-negara Islam. Gerakan ini didokong oleh pelajar Islam dari seluruh dunia. Gerakan reformis Islam yang dimulakan oleh Syeikh Muhammad Abduh, pensyarah di Universiti al-Azhar, Mesir, telah tersebar luas. Dalam tulisannya, beliau telah memberikan kupasan bahawa Islam ialah cara hidup yang menekankan kepentingan dunia dan akhirat, di samping mendorong umatnya menuju kejayaan. Tulisan Syeikh Muhammad Abduh ini disebarkan dalam majalah al-Manor. Selain itu, gerakan Wahabi yang berlaku di Arab Saudi juga mendesak matlamat yang sama.
 10. Kesedaran politik yang berlaku di sekitar Asia Tenggara, terutama di Indonesia turut mendorong kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu. Indonesia yang amat rapat dengan Tanah Melayu dari segi geografi dan budaya telah mempengaruhi gerakan nasionalisme di Tanah Melayu. Kesedaran politik dan pendidikan Indonesia yang lebih matang telah melabirkan ramai golongan intelektual.
 11. Antaranya ada yang menjadi penulis besar dan karya mereka ini telah menjadi bacaan masyarakat di Tanah Melayu, terutama yang berpendidikan vernakular Melayu. Idea kebebasan politik dan penentangan terhadap penjajahan dalam tulisan mereka yang tersebar luas di sini dapat dihayati oleh masyarakat tempatan. Kemasukan orang Indonesia ke Tanah Melayu memudahkan penerimaan unsur kegiatan nasionalisme Indonesia di Tanah Melayu.

GERAKAN ISLAH DALAM MENINGKATKAN MINDA BANGSA

1. Gerakan Islah merupakan gerakan yang berusaha mendorong masyarakat Melayu supaya membetulkan pandangan mereka terhadap Islam. Pendorong gerakan ini antaranya termasuklah Sheikh Tahir Jallalludin, Syed Syeikh al-Hadi dan Dr. Burhanuddin al-Helmy. Golongan ini dikenali

- sebagai Kaum Muda. Akhbar dan majalah yang terkenal seperti al-Imarn, Neracha, Idaran Zarnan dan Pengasuh telah menjadi saluran Gerakan Islah ini.
2. Kaum Muda menyampaikan idea mereka dan menjana ajaran Islam dari sudut kemajuan dunia, termasuklah gesaan untuk memajukan ekonomi, pendidikan, politik dan sosial orang Melayu. Golongan ini juga berusaha menyematah sikap mengkritik penjajah ke dalam fikiran orang Islam. Mereka turut mengkritik raja dan pembesar Melayu yang tidak berperanan penting dalam memajukan orang Melayu.

"Bukanlah kita jumlahkan daripada pelajaran-pelajaran yang dikatakan (menuntut ilmu Allah) sebagaimana di pondok-pondok dan surau atau di serambi-serambi masjid itu tapi yang kita maksudkan iaitu pelajaran-pelajaran yang sebenar-benarnya. Islam menuntut dan memahami hukum-hukum dan pengetahuan-pengetahuan adab dan ketukangan, kepandaian di dalam perusahan perniagaan dan pergaulan hidup serta ubat-ubatan jua sebagaimana yang dikenali daripada tawarikh-tawarikh dan kitab-kitab pengetahuan Islam ini semenjak kezhahirannya di dalam pimpinan yang dibenarkan dan disukai oleh untutan agama yang sebenar-benarnya dahulu dan sekarang.

Petikan daripada akhbar Saudara, 21 Mac, 1934.

3. Gerakan Kaum Muda ini ditentang oleh Kaum Tua yang terdiri daripada golongan alim ulama. Golongan ini telah menguasai masyarakat dengan fahaman mereka bahawa Islam itu adalah tentang akhirat dan mereka menekankan fardu ain sahaja sehingga amat sukar untuk Kaum Muda mempengaruhi masyarakat Melayu. Gerakan Islah oleh Kaum Muda ini dapat bergerak dengan baik di Negeri-Negeri Selat sahaja kerana beberapa undang-undang telah dikeluarkan oleh Negeri-Negeri Melayu bagi menghalang pengaruh Kaum Muda. Undang-undang ini tidak membenarkan sebarang kegiatan dakwah Islam dilakukan tanpa kebenaran sultan. Undang-undang ini juga tidak membenarkan risalah dan buku Kaum Muda dibawa masuk ke negeri-negeri tersebut.
4. Gerakan Kaum Muda telah menubuhkan beberapa buah madrasah. Madrasah ini menjalankan sistem pendidikan Warn yang meliputi pendidikan untuk dunia dan akhirat seperti pendidikan fardu ain, Ilmu Hisab dan bahasa Inggeris. Madrasah ini juga memberikan peluang kepada pelajar perempuan untuk mendapatkan pendidikan. Ternyata tekanan British dan Kaum Tua tidak dapat menghalang sepenuhnya Gerakan Islah dalam masyarakat Melayu, terutamanya dalam bentuk pendidikan.

AKHBAR, MAJALAH DAN NOVEL: PENGGERAK KESEDARAN KEBANGSAAN

1. Akhbar, majalah dan novel telah memainkan peranan penting dalam melahirkan semangat kebangsaan. Antara penulis akhbar yang terkenal pada tahun 1920-an termasuklah Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba). Pada tahun 1930-an pula muncul wartawan seperti Dato' Onn Ja'afar dan Abdul Rahim Kajai. Tulisan mereka yang bernas telah membangkitkan kesedaran untuk memajukan diri dan bersatu padu. Mereka juga mengkritik dasar-dasar British yang menekan orang Melayu. Di Sarawak, penulispenulisnya juga memainkan peranan yang sama.
2. Persoalan tentang sosial atau pendidikan, ekonomi dan politik yang dibangkitkan oleh akhbar secara menyeluruh pada tahun 1930-an itu, bertujuan untuk menyedarkan dan seterusnya memajukan bangsa Melayu.

AKHBAR DAN ISU YANG DIBANGKITKAN		
Akhbar	Aspek	Isu
- Warta Melaya - Lernbaga Melaya - Majlis Utusan Melayu - Warta Negara - Fajar Sarawak	Sosial/ Pendidikan	- Memajukan pendidikan tinggi orang Melayu. - Menggalakkan pendidikan untuk anak perempuan. - Menyeru orang Melayu supaya meninggalkan sikap negatif seperti memilih kerja dan tidak mahu berusaha. - Menggalakkan tabungan di kalangan orang Melayu untuk pendidikan anak-anak. - Mementingkan kemahiran tradisional orang Melayu seperti pertukangan dan kerja tangan. - Mementingkan pendidikan bahasa Inggeris untuk kemajuan orang Melayu. - Meminta taraf sekolah Melayu dibaiki dengan memberikannya nilai ekonomi. - Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran British. - Menyeru orang Melayu supaya tidak meningg alkan pendidikan Islam. - Mengekalkan nilai-nilai baik masyarakat Melayu.
	Ekonomi	- Menggalakkan syarikat kerjasama. - Meminta British mengurangkan kemasukan orang dagang kerana hal ini mengancam ekonomi tempatan - Menggalakkan perniagaan di kalangan orang Melayu - Melarang orang Melayu daripada menjual tanah mereka. - Menyeru orang Melayu supaya berhati cermat. - Meminta British mengadakan kampung khas Melayu di Kuala Lumpur.
	Politik	- Mengkritik British kerana mengurangkan kuasa Raja-Raja Melayu. - Mengkritik para pembesar dan Raja-Raja Melayu kerana tidak melaksanakan kepemimpinan yang sewajarnya untuk rakyat, - Menolak dasar pilih kasih British dalam pentadbiran kerajaan. - Menuntut diadakan Malay Administrative Service (M.A.S.) untuk melindungi orang Melayu dalam perkhidmatan kerajaan. - Menyeru orang Melayu di seluruh Tanah Melayu supaya bersatu dalam sebuah pertubuhan kebangsaan. - Menentang tuntutan orang dagang terhadap politik tempatan.

3. Selain akhbar, majalah juga memainkan peranan penting dalam membangkitkan semangat kebangsaan orang tempatan. Majalah lebih memfokuskan persoalan untuk memajukan bangsa melalui rencana dan puisi yang disiarkan. Sehingga tahun 1940-an, terdapat sebanyak 120 buah majalah yang pelbagai corak diterbitkan. Majalah-majalah ini menyentuh isu kemajuan bangsa dalam pendidikan, ekonomi, bahasa, sastera serta politik antipenjajahan dan orang asing. Antara majalah yang terkenal termasuklah Majalah Guru (1924), Pengasuh (1918) dan Bulan Melayu (1930).

MAJALAH DAN ISU YANG DIBANGKITKAN	
Majalah	Isu
Majalah Guru Pengarangnya: • Muhamad Dato' Muda Linggi • Yusuf Ahmad • Mohd. Sidin Rashid	• Pendidikan anak-anak Melayu. • Menyeru perpaduan di kalangan orang Melayu • Meniupkan semangat cinta akan negara dan menentang penjajahan • Membaiki taraf hidup orang Melayu. • Memajukan bahasa dan sastera Melayu. Menggalakkan perpaduan di kalangan guru sebagai pemimpin bahasa.
Pengasuh Pengarangnya: • Dato' Nik Mohamad	• Membincangkan soal pentafsiran Islam yang progresif bagi kemajuan ummah. • Menggalakkan pendidikan di kalangan orang Melayu. • Memperluas ilmu dalam semua bidang. • Memberikan pentafsiran kepada persoalan orang Islam. • Menggesa arcing Melayu menjauhkan diri daripada sifat buruk.
Bulan Melayu Pengarangnya: • Zainon Sulaiman	• Menggalakkan perpaduan di kalangan guru perempuan Melayu Johor. • Menggalakkan wanita mendapatkan pendidikan untuk kemajuan diri. • Mendorong wanita menjaga kesopanan dengan nilai-nilai Islam dan budaya Timur. • Menggalakkan wanita menjadi obor untuk memajukan bangsa.

4. Novel juga telah menyumbang kepada perkembangan semangat nasionalisme Tanah Melayu. Penulisan novel mula berlaku pada awal abad ke -20, tetapi menjadi rancak pada tahun 1930-an dengan membawa mesei-mesei yang jelas tentang semangat kebangsaan yang patut dimiliki oleh generasi muda Melayu pada masa itu. Sikap menentang penjajah dalam apa bentuk sekalipun adalah dituntut untuk membela maruah bangsa. Wanita juga digalakkan mempunyai sikap positif untuk memajukan diri bagi membentuk dan membangunkan bangsa. Mesei-mesei ini jelas dalam novel seperti Keris Melaka, Putera Gunung Tahan, Anak Mat Lela Gila dan Melor Kuala Lumpur.

NOVEL DAN TEMA SEMANGAT KEBANGSAAN YANG DIBANGKITKAN	
Novel	Tema semangagat kebangsaan
Keris Melaka Pengarang: Ahmad Bakhtiar	• Semangat perjuangan menentang penjajah Barat seperti Portugis. • Menghargai sumbangan tokoh-tokoh Kesultanan Melayu Melaka seperti Hang Tuah. • Menggunakan sejarah sebagai inspirasi dan pedoman untuk mendorong semangat perjuangan bangsa bagi generasi muda.
Anak Mat Lela Gila Pengarang: Ishak Haji Muhammad	• Semangat menentang penjajah oleh anak muda tempatan. • Menghargai warisan bangsa sendiri. • Mencintai tanah air. • Menolak kesenangan demi maruah bangsa.
Putera Gunung Tahan Pengarang: Ishak Haji Muhammad	• Semangat wira pemuda tempatan dalam menjaga maruah bangsa. • Mencintai tanah air. • Berasa bangga dengan kebolehan sendiri. • Seorang gadis tempatan yang menolak cinta pegawaii penjajah kerana tidak mahu menjatuhkan maruah bangsa.
Melor Kuala Lumpur Pengarang:	• Emansipasi atau kebebasan wanita dalam menentukan hala tuju kehidupannya.

Harun Aminurrashid	• Wanita yang mementingkan pendidikan moden untuk kebaikan dirinya. • Membuang pandangan negatif yang boleh menghalang kemajuan bangsa.
--------------------	--

5. Pada keseluruhannya peranan yang dimainkan oleh akhbar, majalah dan novel dalam menggerakkan kesedaran kebangsaan orang Melayu adalah amat jelas. Dengan memuatkan isu berkaitan sosial, ekonomi dan politik, pembaca mendapat idea baru dan pendedahan yang banyak tentang gerakan nasionalisme di luar dan di dalam negara. Dengan ini, mereka dapat membandingkan dan menilai kesan penjajahan terhadap kemajuan ekonomi, pendidikan dan politik mereka.

NASIONALISME OLEH PERSATUAN-PERSATUAN MELAYU

1. Pada awal abad ke-20 muncul persatuan-persatuan yang membincangkan pelbagai persoalan bangsa Melayu. Persoalan itu tertumpu kepada isu ekonomi, pendidikan, bahasa, sastera, perpaduan dan pembelaan politik bangsa.
2. Antara persatuan yang terkenal termasuklah Kesatuan Melayu Singapura (KMS) yang ditubuhkan pada tahun 1926 di Singapura. Pengasasnya ialah Mohammad Eunos Abdullah, Tengku Kadir Ali dan Embok Suloh. Kesatuan ini didukung oleh mereka yang berpendidikan Inggeris dan bertujuan untuk menjaga kepentingan sosioekonomi penduduk Melayu Singapura. Mohammad Eunos Abdullah menjadi wakil KMS dalam pentadbiran British. Beliau telah dilantik menjadi Ahli Majlis Perundangan Negeri-Negeri Selat sebagai wakil orang Melayu. Melalui desakannya, kebajikan orang Melayu Singapura mendapat perhatian British. Antara kejayaan beliau termasuklah memperoleh sebuah kawasan penempatan khas bagi orang Melayu di Singapura. Keberkesanan perjuangan kesatuan itu telah mendorong penubuhan cawangannya di Melaka, Pulau Pinang dan negeri Melayu yang lain, pada tahun 1930-an.
3. Persatuan Sahabat Pena Malaya (PASPAM) yang ditubuhkan pada tahun 1934 dipimpin oleh cerdik pandai Pulau Pinang antaranya termasuklah S.M. Zainal Abidin B.A.. Penubuhannya bertujuan untuk menggalakkan ahlinya berkenalan-kenalan dan bertukar-tukar pendapat bagi memajukan diri sendiri dan bangsa. Hal ini secara tidak langsung telah menggalakkan perpaduan dan persaudaraan di kalangan orang Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Organisasi PASPAM yang kemas dan mempunyai perlembagaannya sendiri telah mendapat sambutan hangat. Walaupun tidak bersifat parti politik tetapi kegiatan sosial PASPAM merupakan asas kepada kesedaran perpaduan Melayu.
4. Persatuan negeri juga telah ditubuhkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, seperti di Perak (1937), Selangor (1938), Negeri Sembilan (1938) dan Pahang (1938). Objektif utama penubuhan persatuan negeri ini adalah untuk menggabungkan tenaga intelektual Melayu bagi membincangkan nasib orang Melayu dalam soal ekonomi, pendidikan dan perkhidmatan kerajaan. Dengan cara ini perpaduan di kalangan orang Melayu dapat digalakkan.
5. Kegiatan berpersatuan di Sarawak lebih baik daripada di Sabah. Persatuan Melayu Miri ditubuhkan pada tahun 1936. Penubuhan ini diikuti oleh Persatuan Melayu Sarawak pada tahun 1939, hasil daripada pengaruh persatuan-persatuan negeri di Semenanjung. Idea untuk menubuhkan Persatuan Melayu Sarawak telah timbul sejak tahun 1937 tetapi gagal dilaksanakan kerana dibantah oleh Brooke. Hanya dengan naungan daripada Datu Patinggi Abang Abdillah, Brooke bersetuju mendaftarkannya. Persatuan ini pernah menghadiri Kongres Melayu 1940 di Singapura. Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (1939) diketuai oleh Datu Patinggi Abang Haji Abdillah. Tujuan penubuhannya adalah untuk mengeratkan perpaduan Melayu, menggalakkan pendidikan, menjaga budaya dan maruah bangsa, serta menegakkan ajaran agama Islam. Persatuan ini mendapat sambutan orang Melayu Sarawak di daerah Kuching.
6. Di Sabah, kesedaran untuk berpersatuan tidak menonjol dan di negeri ini terdapat cawangan Persatuan Sahabat Pena sahaja, iaitu di Jesselton (Kota Kinabalu), Labuan dan Tawau. Kegiatannya mirip kepada kegiatan persatuan di Semenanjung. Anggota-anggotanya terdiri daripada peniaga kecil, pegawai rendah kerajaan dan guru sekolah Melayu. Kegiatan berpersatuan ini tidak tersebar ke kawasan pedalaman kerana kesulitan perhubungan dan taraf pendidikan yang masih rendah.

7. Sebuah persatuan separa politik, iaitu Kesatuan Melayu Muda (KMM) ditubuhkan pada tahun 1939. Pemimpinnya, Ibrahim Haji Yaakob, merupakan wartawan akhbar Majlis, di Kuala Lumpur. Nama KMM diilhamkan oleh Sultan Dienain, iaitu pelarian politik Indonesia. Objektif utama KMM adalah menggalakkan perpaduan di kalangan pemuda Melayu di seluruh Semenanjung dan meningkatkan tahap pendidikan orang Melayu. Kesatuan ini didaftarkan oleh Mustapho Husein, Naib Ketua KMM pada bulan Disember 1940. Bagaimanapun, tujuan penubuhan KMM, adalah lebih bersifat politik.
8. Dengan inisiatif Ibrahim Haji Yaakob, KMM bekerjasama dengan Jepun pada akhir tahun 1940 untuk menghalau British dari Tanah Melayu. Antara tindakannya termasuklah menjadikan KMM salah sebuah badan propaganda Jepun, membeli Warta Malaya untuk dijadikan alat propaganda anti-British, dan mengelilingi Tanah Melayu untuk mencari sokongan. Cawangan KMM juga ditubuhkan bagi meluaskan propaganda menentang British. Maahad 11 Ihy Assyariif, di Gunung Semanggol, Perak, menjadi penyokong KMM dengan menyediakan kader-kader yang dikenali sebagai tentera semut untuk menentang British. Ibrahim Haji Yaakob, Ishak Haji Muhammad, dan lebih kurang 150 orang penyokong KMM ditangkap oleh British pada akhir tahun 1941 kerana kegiatan tersebut dan mereka dipenjarakan di Changi, Singapura.
9. Kongres Melayu yang diadakan pada tahun 1939 dan pada tahun 1940 merupakan kemuncak kesedaran kebangsaan orang Melayu menjelang Perang Dunia Kedua. Dalam kedua-dua kongres ini, soal kemunduran orang Melayu dalam pendidikan dan ekonomi serta layanan pilih kasih British kepada anak negeri telah dibincangkan. Kongres ini disokong oleh golongan intelek dan akhbar-akhbar Melayu. Resolusi kongres ini menggambarkan perpaduan Melayu untuk mengatasi permasalahan sosioekonomi dan politik mereka yang amat lemah. Akhirnya, orang Melayu dapat mengatasi perasaan kenegerian yang memisahkan mereka selama ini.
10. Ternyata penubuhan persatuan negeri dan badan sosial Melayu telah menggalakkan kesedaran untuk bersatu membela kepentingan mereka dalam sernua bidang. Perpaduan sebagai sebuah bangsa Melayu yang menghadapi masalah bersarna itu kemudian menjadi lebih jelas dengan adanya perbincangan tentang soal kebangsaan pada peringkat Semenanjung Tanah Melayu. Kongreskongres Melayu yang diadakan merupakan tanda kesepakatan orang Melayu di seluruh Semenanjung dalam satu gerakan nasionalisme.

GERAKAN NASIONALISME SEMASA PENDUDUKAN JEPUN

1. Kesedaran sernangat kebangsaan Tanah Melayu menghadapi tekanan semasa pendudukan Jepun iaitu antara tahun 1941 hingga tahun 1945. Ini disebabkan Jepun menjalankan dasar pemerintahan ketenteraan. Pernerintahan Jepun telah menyekat kebebasan bersuara penduduk Tanah Melayu. Jepun hanya memberikan kebebasan kepada pertubuhan yang menyokongnya dan yang bergerak di bawah pengawasannya. Ahmad Boestamam telah menubuhkan Barisan Perriuda di Perak bagi menyatukan pemuda-pemuda Melayu. Mereka dilatih berkawad sebagai tentera sukarela Jepun.

SUDUT MAKLUMAT

Dasar Pemerintahan Tentera Jepun di Tanah Melayu

- Mengharararkan sernua akhbar yang diterbitkan sebelum itu.
- Menukarkan nama akhbar tempatan kepada nama Jepun seperti, Malof Shimbun untuk Utusan Melayu.
- Semua sekolah menggunakan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar dan nilai budaya Jepun diperkenalkan.

2. Akibat tekanan Jepun itu, gerakan bawah tanah menentang Jepun telah berlaku. Parti Komunis Malaya telah menubuhkan Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) untuk menentang Jepun. Organisasi ini disokong oleh British yang memberikan bantuan senjata. Mereka bekerjasama menjalankan perang gerila terhadap Jepun. Pasukan Bintang Tiga juga ditubuhkan dengan ahlinya terdiri daripada tiga kaum penting di Tanah Melayu, iaitu Melayu, Cina dan India.
3. Di kalangan orang Melayu pula ditubuhkan Force 136 dan Pasukan Wataniah di Pahang. Keanggotaan Force 136 adalah kecil dan terdiri daripada pegawai-pegawai tadbir Melayu yang bekerjasama dengan tentera British. Pasukan ini bergerak secara gerila di hutan dan aktif di Kedah, Johor dan Pahang. Pasukan Wataniah Pahang merupakan pasukan sukarela menentang Jepun. Anggotanya terdiri daripada guru, pegawai tadbir kerajaan dan orang kampung yang sedar tentang penindasan Jepun.
4. Menjelang akhir pendudukan Jepun, usaha untuk memberikan kemerdekaan kepada Indonesia telah dijalankan. Ibrahim Haji Yaakob telah meminta Jepun memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu bersamasama Indonesia. Ini sesuai dengan matlamat perjuangan asal KMM untuk menubuhkan negara Melayu Raya atau Indonesia Raya.
5. Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) telah ditubuhkan sebagai badan yang akan melaksanakan tugas tersebut. Kongres pemuda KRIS diadakan di Kuala Lumpur bagi membincangkan persediaan kemerdekaan dengan Indonesia. Walaupun Indonesia mengisytiharkan kemerdekaan pada 17 Ogos 1945 tetapi kerana kekalahan Jepun yang mendadak, Soekarno telah mengisytiharkan kemerdekaannya lebih awal, iaitu pada 15 Ogos 1945. Ini menyebabkan persidangan KRIS di Kuala Lumpur dibatalkan. Ibrahim Haji Yaakob, isterinya dan orang kanannya telah berlindung di Indonesia. Dengan itu, kemerdekaan di bawah Indonesia dalam gagasan Melayu Raya atau Indonesia Raya telah gagal. British kembali menguasai Tanah Melayu pada bulan September 1945.

SUDUT MAKLUMAT

Melayu Raya atau Indonesia Raya

- Slogan dan cita-cita politik sebahagian kecil orang Melayu.
- Mereka mahu menghidupkan semula kegemilangan empayar Melayu seperti Majapahit, Srivijaya atau empayar Melaka.
- Idea negara besar Melayu ini telah dimulakan di Maktab Perguruan Sultan Idris oleh Abdul Hadi Hassan, pensyarah Ilmu Tawarikh (Sejarah) di maktab tersebut

RUMUSAN

Sistem pendidikan telah membangkitkan semangat nasionalisme di kalangan orang tempatan. Mereka mula terdedah kepada idea dan pandangan baru. Pengaruh kebangkitan Islam di Asia Barat dan kegiatan nasionalisme di negara-negara sekitar Tanah Melayu turut menyedarkan orang tempatan untuk bangkit menentang penjajahan. Akhbar, majalah dan novel telah menjadi alat penyebaran idea kebangsaan kepada seluruh masyarakat. Kemunculan persatuan negeri serta badan sosial dan sastera telah menyebabkan kegiatan nasionalisme menjadi lebih teratur dan mempunyai objektif yang jelas. Pendudukan Jepun pula telah melahirkan semangat menentang penjajah melalui gerakan bawah tanah. Semua kegiatan nasionalisme berfokus pada matlamat orang Melayu untuk membebaskan diri daripada tekanan penjajahan. Inilah semangat yang harus dipunyai oleh generasi pada hari ini.